

Lelaki ditahan bersama 460kg daun ketum

11 April 2022

Lelaki ditahan bersama 460kg daun ketum

PASIR MAS - Polis menahan seorang lelaki dan merampas daun ketum seberat 460 kilogram (kg) di tepi Jalan Kampung Gaung, di sini awal pagi Ahad.

Penangkapan lelaki berusia 40 tahun itu dilakukan pada jam 3.10 pagi selepas anggota unit kereta peronda polis (MPV) menahan kereta jenis Perodua Myvi yang dipandu oleh suspek.

Ketua Polis daerah Pasir Mas, Asisten Komisioner Mohd Nasaruddin M Nasir berkata, anggota bertugas kemudian membawa kereta itu ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Mas untuk tindakan lanjut.

Menurutnya, pemeriksaan ke atas kereta itu membawa kepada penemuan bungkusan-bungkusan plastik hitam mengandungi daun ketum yang berat ke-

seluruhan berjumlah 460 kg dianggarkan bernilai RM4,000.

"Hasil siasatan awal suspek mengaku kesemua daun-daun ketum itu miliknya.

"Semakan rekod turut mendapati suspek mempunyai lima rekod jenayah lampau berkait dadah," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Ujarnya, suspek turut mengaku daun tersebut diperolehi daripada seorang lelaki di Sik, Kedah.

"IPD Pasir Mas telah bertindak menyalurkan maklumat berkait dengan lelaki berkenaan kepada Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Sik untuk mengesan suspek," jelasnya.

Menurutnya, kes disiasat bawah Seksyen 30 (3) Akta Racun 1952.